

125

**SOALAN NO: 52**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]**

**TARIKH : RABU, 22 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : L19 [PR-1353-L04152]**

**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN apakah status rumah kos rendah yang sepatutnya dibina untuk Penduduk Kg. Railway di Sentul Pasar? Adakah semua perjanjian Sale & Purchase telah ditandatangani dan bilakah pembangunan ini akan selesai?**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, tapak asal untuk pembinaan rumah kos rendah adalah di PT117 dan Lot 20006, tapak ini terdapat isu yang melibatkan pengalihan kabel 33KV milik TNB sepanjang 1.5KM dan paip SYABAS yang merentasi tapak sejauh 500 meter. Terdapat juga isu hak milik tanah yang masih dalam tindakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP).

Berdasarkan pemasalahan di atas pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pemaju telah bersetuju untuk menukar tapak pembinaan pangsapuri kos rendah ke tapak lain (PT118) yang mana tapak ini asalnya adalah untuk pembinaan pangsapuri kos sederhana.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, perkembangan terkini untuk pembinaan pangsapuri kos rendah penduduk Kg. Railway Sentul adalah dalam peringkat pertimbangan untuk kelulusan kebenaran merancang oleh DBKL. Pihak Pemaju akan melaksanakan kerja pembinaan setelah memperolehi kelulusan perintah pembangunan.

DBKL telah mengeluarkan surat tawaran kepada penduduk Kg. Railway. Perjanjian Jual Beli pula akan ditandatangani dengan penduduk setelah projek dilaksanakan.